

31 OCT 1999

GPMS-Politik

GPMS DAKWA MURID SEKOLAH DIJADIKAN `POSMEN' PEMBANGKANG

BUTTERWORTH, 31 Okt (Bernama) -- Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mendakwa terdapat guru sekolah yang menjadikan murid sebagai `posmen' untuk menyebarkan jadual ceramah politik anjuran parti pembangkang.

Presiden GPMS Datuk Suhaimi Ibrahim berkata guru-guru itu dikatakan meminta murid-muridnya mengedarkan jadual ceramah itu kepada orang yang mereka kenali.

GPMS mempunyai bukti mengenai kegiatan guru terbabit dan akan membuat aduan rasmi mengenainya kepada Kementerian Pendidikan, katanya kepada Bernama selepas merasmikan Hari Keluarga Kawasan Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya di sini hari ini.

Suhaimi berkata, kegiatan guru itu menyalahi etika kerja kerana mereka memeralatkan murid-murid untuk menjadi ejen parti-parti politik.

Katanya, sebagai pendidik, guru haruslah bersikap profesional dengan mementingkan kecemerlangan akademik pelajarannya dan bukan mengheret pelajar ke kancha politik.

Beliau berkata, GPMS juga menerima aduan bahawa terdapat beberapa pengurusan sekolah yang menurunkan gambar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sekolah masing-masing dan mencontengkan gambar pemimpin tertentu.

"Kegiatan yang tidak sihat itu tidak harus berlaku di sekolah dan guru yang benar-benar bencikan kerajaan, harus meletakkan jawatan mereka untuk tampil sebagai pembangkang," kata beliau.

Lebih 10,000 anggota keluarga dalam kawasan parlimen Permatang Pauh hadir pada majlis Hari Keluarga itu.

-- BERNAMA

AA AKD